

B B527 DEB
MAHATHIR - FEER R R R R R R
(1)

KUALA LUMPUR, 11 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGEMUKAKAN SAMAN FITNAH TERHADAP EDITOR DAN TUANPUNYA SERTA PENERBIT MAJALAH FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW (FEER) MENGENAI RENCANANYA BERKAITAN DENGAN PENJUALAN LIMBANG DI SARAWAK KEPADA BRUNEI DARUSSALAM.

SAMAN ITU DIKEMUKAKAN DI PEJABAT PENDAFTAR MAHKAMAH TINGGI DI SINI OLEH PEGUAM NEGARA TAN SRI ABU TALIB OTHMAN.

TAN SRI ABU TALIB MEMBERITAHU PEMBERITA BAHAWA PERDANA MENTERI MENUNTUT GANTIRUGI KERANA KENYATAAN FITNAH YANG TERKANDUNG DALAM RENCANA ITU.

BAGAIMANAPUN TAN SRI ABU TALIB TIDAK MENYEBUT JUMLAH GANTIRUGI ITU.

FEER, DALAM TERBITAN 21 MEI, MELAPORKAN BAHAWA PERDANA MENTERI TELAH MEMBINCANGKAN KEMUNGKINAN MENJUALKAN LIMBANG, DI TIMUR LAUT SARAWAK, KEPADA BRUNEI DENGAN HARGA AS\$6,000 JUTA (KIRA-KIRA \$15,000 JUTA) SEMASA LAWATANNYA KE NEGARA KESULTANAN ITU PADA BULAN MAC. -- LAGI.

1706MST 11 08 87

B B530 DEB
MAHATHIR - FEER 2 KUALA LUMPUR R R R R R R
(1)

MAJALAH ITU KEMUDIAN MENARIK BALIK RENCANA ITU DAN MEMINTA MAAF KEPADA PERDANA MENTERI DAN INI TELAH DILAPORKAN OLEH AKHBAR-AKHBAR. BAGAIMANAPUN DATUK SERI DR MAHATHIR BARU-BARU INI MENYIFATKAN TINDAKAN MEMINTA MAAF ITU SEBAGAI TIDAK TEPAT.

DALAM KENYATAAN TUNTUTANNYA DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA KATA-KATA MENGENAINYA, DALAM SIFATNNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI, YANG TERKANDUNG DALAM RENCANA ITU, MENURUT MAKSUDNYA YANG LAZIM, DIFAHAMI BERMAKNA YANG BELIAU TERLIBAT DALAM PERCUBAAN YANG TIDAK BERPERLEMBAGAAN DAN SECARA SEMBUNYI-SEMBUNYI, UNTUK MENJUAL SEBAHAGIAN DARIPADA WILAYAH SARAWAK YANG MERUPAKAN KOMPONEN MALAYSIA, KEPADA BRUNEI.

BELIAU BERKATA RENCANA ITU BERMAKSUD BAHAWA UNTUK MENCAPAI TUJUAN ITU BELIAU TERLIBAT DALAM KEPUTUSAN UNTUK BERBOHONG MENGENAI TUJUAN LAWATANNYA KE BRUNEI DAN BAHAWA BELIAU TIDAK LAYAK MENJADI PERDANA MENTERI MALAYSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA AKIBAT DARIPADA TERBITNYA KATA-KATA ITU, KEWIBAWAANNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI TELAH TERJEJAS DAN MEMBAWA KEPADA KEAIBAN, PENGHINAAN DAN SKANDAL TERHADAPNYA PADA PANDANGAN UMUM. -- LAGI.

1720MST 11 08 87

B B540 AAB
MAHATHIR - FEER 3 KUALA LUMPUR R R R R R R

(I)

MENURUTNYA, TAN SRI ABU TALIB, BAGI PIHAK BELIAU, MENULIS SURAT BERTARIKH 26 MEI KEPADA EDITOR MAJALAH ITU, ENCIK DEREK DAVIES, MENYARANKAN AGAR IA MENERBITAKAN PERMOHONAN MAAF YANG PENUH DAN LENGKAP.

MESKIPUN SURAT ITU DIHANTAR, KEDUA-DUA DEFENDAN GAGAL DAN ENGGAN MEMINTA MAAF TETAPI SEBALIKNYA DI BAWAH TAJUK +RETRACTION AND APOLOGY+ (PENARIKAN BALIK DAN PERMOHONAN MAAF), MENYEBABKAN TERCETAK DAN TERBITNYA KATA-KATA YANG ANTARA LAIN BERMaksud YANG BELIAU TIDAK LAYAK MENJADI PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA KATA-KATA ITU BERMaksud BAHAWA WALAUPUN BELIAU TELAH MENAFIKAN KESASIHAN KATA-KATA YANG TERKANDUNG DALAM RENCANA YANG BERKAITAN DENGAN LIMBANG ITU, KATA-KATA YANG DIBANTAH ITU ADALAH BERASASKAN KEPADA SUMBER-SUMBER YANG TELAH TERBUKTI AMAT MENGETAHUI SERTA BOLEH DIPERCAYAI, BAHAWA LAPORAN-LAPORAN LAIN DARIPADA SUMBER-SUMBER YANG SAMA TELAH TERBUKTI BOLEH DIPERCAYAI DAN BAHAWA RENCANA MENGENAI LIMBANG ADALAH BENAR.

BELIAU BERKATA APA YANG DIMAKSUDKAN DENGAN RENCANA BERTAJUK +RETRACTION AND APOLOGY+ ITU IALAH BAHAWA BELIAU MEMBANTAH TERHADAP KATA-KATA YANG TERKANDUNG DALAM RENCANA ITU DAN BANTAHANNYA ITU BUKANLAH BERMakNA YANG RENCANA ITU PALSU DAN MENGANDUNGI FITNAH TETAPI IA DIDORONG OLEH NIAT BURUK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA AKIBAT PENERBITAN KATA-KATA ITU KEWIBAWAANNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI SEMAKIN TERJEJAS DAN MEMBAWANYA KEPADA KEAIBAN, PENGHINAAN DAN SKANDAL PADA PANDANGAN UMUM. -- LAGI.

1754MST 11 08 87

D894

B B542 AAB
MAHATHIR - FEER 4 KUALA LUMPUR R R R R R R

(I)

KATANYA, KEDUA-DUA DEFENDAN BERHASRAT UNTUK MENERBITKAN KATA-KATA YANG SERUPA TERHADAPNYA KECUALILAH DIHALANG DARIPADA MELAKUKANNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENUNTUT GANTI RUGI KERANA FITNAH YANG TERKANDUNG DALAM KEDUA-DUA RENCANA ITU DAN MEMOHON PERINTAH UNTUK MENGHALANG KEDUA-DUA DEFENDAN ATAU KAKITANGANNYA DARIPADA MENERBITKAN ATAU MENYEBABKAN TERBITNYA APA-APA PERKATAAN MENGANDUNGI FITNAH YANG SERUPA TERHADAPNYA. -- BERNAMA.

1758MST 11 08 87